

**PEKELILING PEJABAT TANAH DAN GALIAN SELANGOR  
BILANGAN 2/1987**

=====

**PREMIUM PEMBERIMILIKAN TANAH DAN PREMIUM TAMBAHAN  
TUKAR SYARAT TANAH**

-----

Adalah dimaklumkan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor yang bermesyuarat pada 04.02.1987 telah membuat keputusan seperti berikut:-

- (i) menetapkan kadar-kadar baru untuk premium pemberimilikan tanah seperti di lampiran "B-1";
- (ii) menetapkan kadar-kadar baru untuk premium tambahan tukar syarat tanah seperti di lampiran "B-2";
- (iii) meminda atau memasukan kadar-kadar baru bagi kedua-dua jenis premium tersebut di dalam kaedah-kaedah Tanah Selangor 1986;
- (iv) menetapkan supaya pemilikan tanah (bagi maksud menentukan kedua-dua jenis premium tersebut di dalam kaedah-kaedah Tanah Selangor 1986;
- (v) Jabatan penilaian dikehendaki membuat penilaian bagi permohonan-permohonan yang masih belum lagi dikemukakan dan diputuskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri kecuali permohonan-permohonan yang telah diperakukan oleh Jawatankuasa Tetap Tanah dan Galian.

2. Selaras dengan keputusan tersebut Pentadbir-pentadbir Tanah Daerah adalah dikehendaki merujuk semua permohonan tukar syarat/ permohonan tanah (kecuali permohonan bagi maksud pertanian) kepada Jabatan Penilaian Negeri Selangor bagi mendapatkan penilaian tanah untuk tujuan menentukan premium atau premium tambahan.

3. Bagi menentukan perlaksanaannya berjalan dengan teratur dengan sempurna maka bersama-sama ini disertakan contoh Borang mangandung Butir-butir yang perlu diisi sebelum dikirimkan kepada Jabatan Penilaian Begeri Selangor untuk mendapatkan jawapannya. Borang hendaklah diisi dalam dua (2) salinan.

4. Pentadbir Tanah Daerah adalah dengan ini dikehendaki mengambil tindakan yang sewajarnya untuk melaksanakan keputusan berkenaan mulai dari sekarang.

T.T  
**(ABDUL HADI BIN HAJI SIDEK)**  
Pengarah Tanah dan Galian,  
Selangor.

Bertarikh pada 18hb Februari 1987  
PTG.Sel. 32.PT.111

---

---

**KADAR-KADAR PREMIUM PEMBERIMILIKAN TANAH**

---

---

**1. TANAH BANDAR DAN PEKAN**

1.1 Kategori Bangunan

- i. Kediaman -  $\frac{1}{2}$  % nilai pasaran tanah bagi setiap tahun tempoh pemberimilikan
- ii. Perniagaan -  $\frac{3}{4}$  % nilai pasaran tanah bagi setiap tahun tempoh pemberimilikan

1.2 Kategori Perusahaan -  $\frac{3}{4}$  % nilai pasaran tanah bagi setiap tahun tempoh pemberimilikan

1.3 Bagi lain-lain kegunaan Selain daripada pertanian -  $\frac{1}{2}$  % nilai pasaran tanah bagi setiap tahun tempoh pemberimilikan

**2. TANAH DESA**

2.1 Kategori Bangunan

i. Kediaman

- a. Jika pemberimilikan untuk sesuatu tempoh,  $\frac{1}{2}$  % nilai pasaran tanah bagi setiap tahun tempoh pemberimilikan itu.
- b. Jika pemberimilikan untuk selama-lamanya,  $\frac{3}{4}$  daripada harga pasaran

ii. Perniagaan

- a. Jika pemberimilikan untuk sesuatu tempoh,  $\frac{3}{4}$  % nilai pasaran tanah bagi setiap tahun tempoh pemberimilikan itu.
- b. Jika pemberimilikan untuk selama-lamanya, harga pasaran tanah

iii. Perusahaan

- a. Jika pemberimilikan untuk sesuatu tempoh,  $\frac{3}{4}$  % nilai pasaran tanah bagi setiap tahun tempoh pemberimilikan itu.
- b. Jika pemberimilikan untuk selama-lamanya, harga pasaran tanah

## 2.2 Kategori Pertanian

- i. untuk tanaman getah, kelapa, kelapa sawit, koko dan kopi termasuk lain-lain tanaman yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri. - Di antara RM130.00 hingga RM1,000.00 sehektar
- ii. untuk menanam tanaman selain daripada (i) tetapi termasuk tanah untuk tanaman kampung dan am. - Di antara RM100.00 hingga RM500.00 sehektar
- iii. untuk tanaman padi, nipah dan sagu. - RM100.00 sehektar
- iv. untuk pemeliharaan ikan dan binatang ternakan - Di antara RM130.00 hingga RM1,500.00 sehektar
- v. untuk pemeliharaan binatang-binatang lain dan selain daripada yang tersebut di atas - Di antara RM150.00 hingga RM2,000.00 sehektar

- 2.3 Bagi lain-lain Kegunaan -  $\frac{1}{2}$  % nilai pasaran tanah bagi setiap Tahun tempoh pemberimilikan.

## 3. **TANAH RIZAB MELAYU**

$\frac{1}{2}$  daripada kadar-kadar yang ditetapkan di atas.

---

**KADAR-KADAR PREMIUM TAMBAHAN UNTUK TUKAR SYARAT TANAH**


---

**1. DARIPADA PERTANIAN**

- 1.1 Kepada Kediaman - 20% daripada nilai tanah
- 1.2 Kepada Perniagaan - 30% daripada nilai tanah  
(secara keseluruhannya)
- 1.3 Kepada Perusahaan - 20% daripada nilai tanah

**2. DARIPADA KEDIAMAN**

- 2.1 Kepada Perniagaan - 10% daripada nilai tanah
- 2.2 Kepada Perusahaan - 10% daripada nilai tanah

**3. DARIPADA PERUSAHAAN kepada PERNIAGAAN**

- 10% daripada nilai tanah

**4. DARIPADA PERNIAGAAN kepada PERUSAHAAN – RM10.00 (nominal)****5. DARIPADA SUATU JENIS PERTANIAN KEPADA PERTANIAN YANG LAIN**

	<b>Daripada</b>	<b>Kepada</b>	<b>Kadar Premium Tambahan</b>
5.1	Padi, nipah, sagu	getah, kelapa, kelapa sawit, koko, kopi dan lain-lain tanaman yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri.	RM100.00 sehektar
5.2	Selain daripada di 5.1 di atas	getah, kelapa, kelapa sawit, koko, kopi dan lain-lain tanaman yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri.	RM50.00 sehektar
5.3	Getah, kelapa, kelapa sawit, koko, kopi	padi, nipah, sagu dan lain-lain jenis tanaman	RM10.00 (nominal)
5.4	Sebarang jenis tanaman	pembiakan dan pemeliharaan ikan, binatang ternakan dan lain-lain binatang	di antara RM100.00 hingga RM500.00 sehektar

	<b>Daripada</b>	<b>Kepada</b>	<b>Kadar Premium Tambahan</b>
5.5	Pembiakan dan pemeliharaan ikan, binatang ternakan dan lain-lain binatang	lain-lain jenis pertanian atau tanaman	RM10.00 (nominal)

**Catatan :**

“Nilaian tanah” yang dimaksudkan ialah nilai pasaran sebelum ditukar syarat